

TARIKH : 17 MAC 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 1

### Kursus teknikal, vokasional untuk pelajar sekolah tahfiz

# Kursus teknikal, vokasional untuk pelajar sekolah tahfiz

**Oleh Ruwaida Md Zain**  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Kementerian Sumber Manusia (KSM) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) julung kali melancarkan model latihan TAHFIZ-Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bagi membentuk laluan kerjaya kepada pelajar tahfiz di negara ini.

Timbalan Menteri Sumber

Manusia, Datuk Awang Hashim, berkata sehubungan itu, KSM menyasarkan semua pusat tahfiz swasta dan awam di Malaysia akan dilengkapi dengan model latihan berkenaan.

Beliau berkata, pihaknya melalui Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Pembangunan TAHFIZ-TVET bagi membantu dan menasihati institusi tahfiz dalam memperkasakan kuriku-

lum, bahan pengajaran dan pembelajaran, pegawai sertas persijilan melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).

“Jawatankuasa ini akan mengenal pasti keperluan semasa program TVET di institusi tahfiz dan menasihati program yang sesuai. Ia juga untuk memperkukuhkan serta memperkasakan latihan TVET melibatkan tahfiz negara.

**Nasional 7**